

RIMBA RAYA
Large Scimitar Babbler

FAMILI: Timaliidae
NAMA SAINTIFIK: *Pomatorhinus hypoleucos*

CIRI-CIRI

Spesies ini mempunyai bahagian kaki yang kuat. Individu dewasa sub-spesies *P.h.tickelli* boleh dibezakan daripada spesies lain dalam kumpulannya melalui saiz yang lebih besar, bahagian telinga berwarna coklat, tompok pada leher berwarna coklat dan jalur putih yang lebar pada bahagian tepi dada serta rusuk. Alis matanya berwarna putih manakala paruh berwarna coklat. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa adalah di antara 25.5-28 sm.

MAKANAN

Secara umumnya, diet spesies terdiri daripada serangga dan lain-lain invertebrata tetapi ada sesetengahnya yang memakan buah-buahan kecil, biji-bijian dan madu pada bunga.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di hutan dipterokarp dan hutan buluh hingga ke ketinggian 1,550 m dari aras laut. Di Semenanjung Malaysia, spesies ini boleh ditemui pada ketinggian 915-2,135 m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi *wiu-pu-pu*, *wiu-pu-pu-wo-hu*, *whiu-pu-pu-whip-up-up* dan *wiao-pu-pu-hu-pwuhu* semasa berpasangan dan bunyi *oh-pu*, *whiu-wao*, *wiupupu* serta *whipuwup* semasa bersendirian.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan November hingga Mei. Individu betina boleh menghasilkan 2-5 biji telur berwarna putih. Sarangnya berbentuk bujur atau separa kubah yang dibina di atas tanah, pokok palma atau rotan sehingga 3 m dari tanah.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.